

PEMBERIAN SIJIL HARDCOPY DAFTAR PAKAR PERUBATAN NEGARA (DPPN) BAGI SEMUA PENGAMAL BERDAFTAR YANG TELAH MEMOHON SEMASA PENUTUPAN SEMENTARA SISTEM DALAM TALIAN DPPN

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dalam mesyuaratnya kali ke-412 bertarikh 16 November 2021 telah bersetuju bahawa semua pengamal berdaftar yang telah memohon sijil *hardcopy* Daftar Pakar Perubatan Negara (*Borang* 13) secara bertulis (emel/surat) semasa tempoh penutupan sementara Sistem Dalam Talian DPPN iaitu bermula **11 Oktober 2021 hingga 3 November 2021**, akan diberikan sijil *hardcopy* **tanpa sebarang caj.**

Walaupun bagaimanapun, bayaran sebanyak RM20 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja) akan dikenakan kepada mana-mana pengamal yang ingin memohon agar salinan sijil berkenaan dihantar dengan menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/Pos Laju (Malaysia sahaja), seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat MPM kali ke-368 bertarikh 24 Oktober 2017.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada Sekretariat MPM di talian 03-26912171 (sambungan: 129, 211 & 283) atau emel kepada ecsmq@mmc.gov.my.

Sekian, terima kasih

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
23 November 2021**